



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

### **Dua Agama Dalam Sebuah Bilik**

Shahrum bin Ariffin, Navy Base, Singapura bertanya:

saya bekerja dalam sebuah pejabat bersama-sama seorang rakan Cina peranakan yang beragama Kristian. Kami tinggal bersama-sama dalam sebuah bilik yang diberi oleh pihak majikan. Kami tidak pernah berkecil-kecil hati, makan pun bersama-sama satu tempat, iaitu kami bayar makan kepada orang kita Melayu. Tetapi di dalam bilik tempat kami tinggal, rakan saya itu ada menggantung salib (*cross* atau palang) katanya gambar Nabi Isa, dan saya pula ada menggantung tulisan ayat-ayat Quran dan gambar maqam Nabi Muhammad (SAW). Adakah perbuatan saya dilarang oleh syarak kerana tinggal sama-sama sebilik dan menggantung Quran berdekatan dengan gambar-gambar salib rakan saya itu seperti yang tersebut di atas?

Jawab: Tidak dilarang syarak, kerana walaupun letaknya sebilik tetapi kawasan masing-masing tertentu, dipandang kepada tuan berdua masing-masing berhak di bilik itu. Selain daripada itu adalah menjadi bukti bahawa Islam sedia menghormati agama-agama lain di dunia.

Sekiranya tuan rajin membaca sejarah Islam nescaya tuan akan dapati perkara ini perkara biasa. Rasul Allah (SAW) sendiri sebelum berhijrah ke Madinah sentiasa sembahyang di sisi Kaabah, padahal di keliling Kaabah pada masa itu penuh berdiri berhala-berhala kaum Musyrikin. Sa'ad bin Abi Waqas sahabat Nabi dan panglima Islam yang telah

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

berjaya meruntuhkan kerajaan Parsi telah menjadikan balairung Raja Parsi (Ewan Kisra) yang penuh dengan gambar-gambar dan berhala-berhala kaum Majusi; masjid tempat tenteranya mengerjakan sembahyang lima waktu dan ia sendiri menjadi imam dan khatib mereka pada tiap-tiap hari Jumaat di situ dengan tidak mengubah gambar-gambar dan berhala-berhala yang memenuhi tembok balairung yang bersejarah itu yang bekas-bekasnya masih tersergam hebat di negeri Iraq hingga hari ini. Di negeri Syam tatkala tentera Islam berjaya menakluk Bandar Dimashq, sebuah gereja yang besar di situ separuhnya telah dijadikan masjid dan separuhnya berkekalan menjadi gereja tempat orang-orang Kristian menjalankan ibadatnya dengan bebas.

Kesimpulannya, Islam itu ialah iman kepada Allah dan Rasul-Nya serta lain-lain rakanya yang termaklum, dan amal-amalnya adalah bergantung kepada niat. Barangsiapa benar imannya dan ikhlas amalnya semata-mata kerana Allah maka tidaklah akan ditakuti sebarang gangguan yang lain.

\*\*\*

### **Soal Bida'ah**

Nik Latifah Fatani, Siam bertanya: dalam majalah Qalam bilangan 31 halaman "Bida'ah dan Khurafat" ada tersebut bahawa melafazkan *usalli* itu bida'ah. Tetapi dalam bilangan 32 muka 10 saya dapati al-Jablawi dan berpuluh-puluh ulama mengatakan sunat, maka bersabdalah saya hendak mengikut yang mana satu. Adakah melafazkan *usalli* itu bida'ah hasanah?

Jawab: Di dalam perkara ibadat tidak ada sama sekali

bida'ah ḥasanah melainkan bida'ah ḍalālah namanya. Bida'ah ḥasanah dan lain-lain pecahannya hanya tertentu kepada soal-soal keduniaan. Ibadat, tidak boleh ditambah, dikurangkan atau diubah cara mengerjakannya, Segala tambahan, kekurangan dan perubahan itu bida'ah ḍalālah namanya yakni bida'ah sesat yang dilarang oleh syarak. Tidakkah junjungan kita Muhammad (SAW) bersabda maksudnya: "tiap-tiap perkara agama yang tidak ada perintah kami padanya adalah tertolak".

Tentang berpuluh-puluh ulama yang mengatakan melafazkan *usalli* itu sunat, tidak boleh dibuat pegangan kerana ulama yang mengatakannya bida'ah pun bukan sahaja berpuluh-puluh tetapi beratus-ratus bahkan beribu-ribu banyaknya. Tetapi yang menjadi soal sekarang, ialah perkara ini tidak ada nasnya daripada Quran. Tidak dilakukan oleh Nabi dan sahabat-sahabatnya, bahkan tidak dilakukan oleh imam-imam mazhab yang empat. Dikecualikan beberapa orang ulama yang bermazhab Shāfi'i yang mengatakan sunat, dengan alasan bahawa melafazkan niat itu boleh menolong hati. Pada hal alasan ini tertolak kerana dalam perkara ibadat tidak boleh ditambah, dikurangi atau pun ditukar ganti sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Oleh kerana banyak orang yang bertanya tentang perkara ini dan banyak orang yang kedapatan keliru memahamkan maka seginya mereka mengetahui: bahawa tiap-tiap amal mesti dengan niat, kalau tidak akan menjadi sia-sia, begitu juga sembahyang, tetapi niat itu tidak perlu dilafazkan dengan lidah malah hendaklah diingat di dalam hati kerana tidak ada perintah yang menyuruh kita membuatnya.

\*\*\*

### **Jual Padi kepada Cina**

Lalu dibayar dengan wang jualan babi  
Chek bin Hasan, Tanjung Piandang, Perak bertanya:  
seorang Tuan Haji telah menjual padinya sebanyak 3,000 gantang kepada seorang taukeh Cina wangnya telah ditanggihkan selama tiga hari. Pada hari ketiga Tuan Haji

itupun mendapatkan dia, tiba-tiba taukeh itu berkata:  
"Haji punya wang boleh tunggu sampai petang, gua mahu jual gua punya babi". Pada sebelah petang taukeh itu pun memberi wang padi itu daripada hasil jualan babi.  
Bagaimanakah hukumannya?

Jawab: tidak ada apa-apa salahnya. Tuan haji itu telah menjual padinya kepada Cina, tentang dari mana datangnya wang taukeh Cina itu maka Islam tidak menyuruh kita menyeluk sampai ke situ, kerana kalau kita hendak menyeluk lebih dalam, bermakna kita dengan sengahaja hendak menunjukkan diri sendiri dan merosakkan perhubungan kita dengan lain-lain kaum. Lagi pun haram menjual babi atau menerima hasil babi ialah kepada kita orang Islam bukan haram kepada Cina. Bagaimanapun wang yang telah diterima oleh Tuan Haji itu ialah wang hasil padinya bukan hasil babi kerana dia tidak menjual babi dan tidak mempunyai babi.

\*\*\*

### **Mati di Tanah Suci**

P.B. Lubuk Cina, Negeri Sembilan bertanya: jika seorang pergi mengambil Haji ke Mekah, kemudian ia mati di sana, ada orang berkata; akan diharamkan api neraka atasnya. Betulkah begitu?

Jawab: Tanah Suci Mekah tidak menjadi pendinding yang daripada azab neraka. Yang menjadi pendinding yang ialah amal salih yang telah dikerjakan di dunia. Ingat firman Allah Ta'ālā yang maksud: "Sesungguhnya manusia tidak akan dapat (pahala) melainkan (daripada) apa ia kerjakan".

Orang yang mengerjakan maksudnya dan mati sebelum ia bertaubat maka akibatnya ia akan menerima azab yang pedih sebagai balasan kepada maksudnya itu, hati walaupun dia mati di Tanah Suci Mekah, Madinah atau Baitul Maqdis.

\*\*\*

### **Hadas Tangguh?**

Hasan bin Sa'ad, Sungai Petani, Kedah bertanya: di kampung

saya sedang terhebah perbuatan hadas tangguh, yakni seorang yang telah berhadas besar boleh sembahyang dengan tidak payah mandi, dan hadas besarnya itu boleh ditangguh sampai dua hari. Adakah ini ajaran Islam?

Jawab: Bukan ajaran Islam. Islam ialah agama yang suci dan segala amal ibadatnya tidak diterima melainkan apabila dikerjakan dengan hati yang suci dan badan yang suci. Sembahyang adalah haram dikerjakan oleh orang yang berhadas kecil apalagi berhadas besar! Tidakkah mereka pernah mendengar perintah Tuhan maksudnya:

“Wahai orang yang beriman! Apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang; basuhlah muka kamu dan kedua tangan kamu hingga dua mata siku, dan sapulah kepala kamu dan kaki kamu hingga mata kaki. Sekiranya kamu junub (berhadas besar) hendaklah kamu mandi!

Inilah dia hukum Islam.

Mengapa mereka bertangguh, daripada hadas lalu sembahyang pula dalam masa junub? Adakah di negeri Kedah padang sahara. Orang-orang yang hidup di padang sahara pun kalau hendak sembahyang, maka mereka akan bertayamum, baik kerana mereka berhadas kecil atau berhadas besar!

Inilah padahnya kalau sesuatu golongan itu tinggal di dalam maksiat; maksiat judi, pelacuran, minum arak dan menganut berbagai-bagai faham sesat: ajaran “mazhab Taslīm” (menyerahkan harta benda dan anak isteri kepada tuan guru) ajaran “mazhab Nabi Matahari” (Nabi palsu yang khabarnya sedang bertahna di Bayan Lepas, Pulau Pinang), ajaran “Nikah Batin” (membolehkan berzina dengan isteri orang dengan alasan suaminya jahil), ajaran “berzikir di dalam gelap” dengan bersosial lelaki perempuan, dan sekarang ajaran “hadas tangguh” yang membolehkan sembahyang dalam masa junub.

Demikianlah kebanyakan kaum kita sedang meraba-raba di dalam gelap dan berfaham gelap. “*zulūmāt ba’duhā fawq ba’d*”  
*Na’udhu billāh minhā.*

## Beristeri Enam?

Abdullah bin Qassim, Pasir Panjang, Singapura bertanya:

seorang lelaki Islam mempunyai empat orang isteri, kemudian dengan tidak menceraikan salah satu isterinya telah berkahwin seorang lagi, dan tidak berapa lama ia berkahwin seorang lagi, jadi berjumlah enam orang semuanya. Apakah hukumnya kedudukan suami itu dengan isterinya yang nombor 5 dan nombor 6?

Jawab: Perkara ini sudah terang! Dan tak perlu menjadi pertanyaan. Kedudukannya dengan isteri-isterinya yang kelima dan yang keenam adalah semata-mata di dalam cara haram. Salingkan empat isteri pun tidak diluluskan oleh Islam melainkan dengan syarat yang terlalu ketat.

Sudah terbit!

Buku idaman tuan-tuan!

Pustaka Mahasiswa Mempersembahkan kepada

Persuratan Melayu Buku

“Menuju Revolusi Islam”

Memberi kupasan yang hebat ertinya kerajaan

Islam, dan merancang pulasan menuju

pembangunannya dengan bersandarkan hakikat-hakikat sejarah

revolusi dan berpandukan perjuangan suci

Rasulullah SAW. Karangan seorang juga Islam

yang terkenal di Pakistan.

Harga sebuah \$ 1.20 pos 10 Sen pintalah kepada:

Al-Hajj Dāwud al-Ḥamdī

581 jalan Tengku Putra Semarak, Kota Bharu

pencetak dan pembahagi tunggal.